

**PEMBERITAHU PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**  
**DARIPADA : PUAN TERESA KOK SUH SIM [SEPUTEH]**  
**RUJUKAN : BL6 [PR-1353-T01498]**  
**SOALAN :**

**Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] minta MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN menyatakan :-.**

- a) lokasi dan projek RUMAWIP yang diluluskan sejak tahun 2013 dan bilangan unit dalam setiap projek RUMAWIP; dan
- b) jangkaan bilangan penduduk yang akan bertambah di Kuala Lumpur selepas penyiapan semua projek RUMAWIP yang telah diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua,

- a) Untuk makluman Yang Berhormat Seputeh, sehingga 30 September 2017 sebanyak enam puluh lima (65) buah projek RUMAWIP telah diluluskan oleh Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melibatkan sejumlah 44,064 unit. Daripada jumlah tersebut, sejumlah 4,262 unit melibatkan 7 projek telah "siap dibina", 19,342 unit melibatkan 31 projek sedang diperingkat "pembinaan" dan 20,460 unit melibatkan 27 buah projek telah mendapat kelulusan Perintah Pembangunan. Dari segi lokasi projek RUMAWIP yang diluluskan mengikut Parlimen pula adalah:

No.	Parlimen	Bil. Projek	Bil. Unit
1	Bandar Tun Razak	9	5,531
2	Batu	10	6,334
3	Bukit Bintang	1	101
4	Cheras	9	6,940
5	Kepong	4	4,006
6	Lembah Pantai	4	931
7	Segambut	2	1,043
8	Seputeh	6	4,974
9	Setiawangsa	9	8,227
10	Titiwangsa	3	921
11	Wangsa Maju	8	5,056
	<b>JUMLAH</b>	<b>65</b>	<b>44,064</b>

- b) Kementerian Wilayah Persekutuan menjangkakan tiada pertambahan penduduk yang signifikan selepas penyiapan semua projek yang diluluskan tersebut kerana semua pemohon adalah mereka yang dilahirkan, menetap atau bekerja di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebagaimana yang telah ditetapkan dalam syarat permohonan RUMAWIP.